

Elakkan konflik pembangunan di kawasan masing - masing

PM mahu pegawai daerah dan wakil rakyat sefahaman

4 - 2 DEC 1988

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata pegawai - pegawai daerah dan wakil - wakil rakyat perlulah tahu bidang kuasa masing - masing untuk mengelak wujudnya konflik pembangunan di kawasan masing - masing.

Perdana Menteri menegaskan jikalau persefahaman mengenai tugas tidak ada, pembangunan akan terbantut dan pihak lain akan mengambil peluang ini untuk meniupkan unsur - unsur negatif.

Bercakap dalam sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri di sini lewat tengah hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau telah memanggil satu pertemuan khas dengan pegawai - pegawai daerah dari seluruh negara hari ini kerana telah wujud kekeliruan di kalangan mereka mengenai usaha - usaha kerajaan kerana maklumat negatif.

"Kita dapati dalam suasana negara ketika ini banyak kekeliruan berlaku di peringkat daerah

kerana sewaktu kerajaan menumpukan perhatian kepada soal pembangunan ada pihak yang mengambil peluang memberi maklumat yang mengelirukan.

"Maklumat ini dengan sengaja disampaikan bertujuan untuk mengelirukan pegawai - pegawai kita sehinggakan mereka kadang - kala seperti percaya bahawa tindakan kerajaan adalah salah dan tak menguntungkan rakyat," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri menegaskan, isu paling utama yang dibangkitkan dalam sesi dialog kemudiannya ialah tentang kekeliruan tugas pelaksanaan projek pembangunan.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, keutamaan pembangunan yang diputuskan oleh pegawai daerah dan wakil rakyat adakalanya berbeza dan ini telah menimbulkan

konflik di antara mereka.

"Contohnya, bagi wakil rakyat mereka rasa ada perkara utama yang perlu didahulukan tetapi bagi pegawai daerah pula projek lain pula yang perlu diutamakan," tegas beliau.

Dalam hal tersebut, Dr. Mahathir menjelaskan, setiap pihak haruslah menyedari akan had kuasa masing - masing dan mahukan ia diatasi dengan segera agar pembangunan tidak tersekat.

Menurut beliau pemeahaman mengenai tugas mereka akan dapat mengelakkan timbulnya konflik pembangunan di daerah masing - masing.

Menjawab satu solan lain, Perdana Menteri menegaskan bagaimana pun keadaan tersebut tidaklah seburuk mana dan kebanyakan pegawai daerah menegaskan mereka tidak terkeliru dengan maklumat - mak-

lumat yang berbentuk menghasut dan sebagainya.

Bagaimanapun, menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pegawai - pegawai daerah percaya perkara negatif seumpama itu mudah berlaku dan mereka mahu agar tindakan segera diambil termasuklah juga dalam soal keagamaan.

Mengenai isu tersebut, beliau berkata, pegawai - pegawai daerah mengakui mereka adakalanya terkeliru dengan penjelasan - penjelasan beberapa pihak tertentu dan mengakui tidak dapat menangkis kenyataan - kenyataan karut kerana tidak mempunyai kelengkapan mengenainya.

Dalam pertemuan tersebut Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah menerangkan tentang peranan pegawai daerah dan menjelaskan semua keraguan yang ditimbulkan.